

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(B)45**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENANTI  
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

45. Berkenaan wad bersalin yang belum siap sepenuhnya di hospital-hospital yang terdapat di Pulau Pinang. Mohon pencerahan dan maklumat dari pihak Kerajaan Negeri akan sebab-tunggakan, dan masa untuk siap sepenuhnya dan boleh digunakan oleh rakyat Negeri Pulau Pinang.

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

45. Projek Pembinaan Blok Wanita dan Kanak-Kanak Hospital Pulau Pinang dijangka siap sepenuhnya pada 19 Januari 2027 setelah mengambil kira lanjutan masa (EOT 3) yang telah diluluskan. Kelulusan EOT adalah berikutan daripada penambahan keluasan lantai kasar (GFA) hasil sesi *Room Data Interaction* (RDI) bersama pihak pengguna bagi menampung keperluan pengoperasian semasa dan pematuhan kepada standard kesihatan terkini. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembinaan kini sedang berjalan lancar mengikut jadual, dan

agensi pelaksana sentiasa memantau rapi kemajuan projek bagi memastikan ia disiapkan mengikut tarikh yang ditetapkan.

